



Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia

Zaliza Mohamad Nasir

m-zaliza@utm.my

Akademi Bahasa, Universiti Teknologi Malaysia

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said, Norizan Che Su

zazh@upm.edu.my, norma@fbmk.upm.edu.my, zan@fbmk.upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif untuk mengenal pasti tahap penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 14 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang mengandungi 42 item. Data yang diperoleh telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) untuk mendapatkan data berbentuk frekuensi dan peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penguasaan asas tatabahasa Melayu terutama dalam aspek kemahiran menulis dan bertutur berada pada tahap yang baik sekiranya mendapat bantuan daripada tenaga pengajar. Manakala penggunaan kamus merupakan faktor terpenting dalam proses penambahan kosa kata serta penggunaan tatabahasa yang betul. Hasil kajian juga mendapati faktor persekitaran dan rakan sebaya memainkan peranan dalam membantu pelajar menguasai tatabahasa asas dalam bahasa Melayu. Namun, secara keseluruhannya, tahap penguasaan tatabahasa Bahasa Melayu pelajar adalah sederhana.

Kata kunci: Penguasaan tatabahasa, bahasa Melayu, pelajar IPTA

Abstract

This descriptive research was carried out to identify the mastery of Malay language proficiency level among foreign students of Universiti Teknologi Malaysia. As many as 14 students had been chosen as research sample. The research instruments used in this study was questionnaire which consists of 53 items. All the data collected were being analysed by using computer with Statistical Packages for Social Science (SPSS) Version 15.0 to determine the value of frequency and percentage. Research showed that the skill level of writing and speaking among students are moderate if they could get tutoring from their instructor. On the other hand, using a dictionary is one of the main factors in using the correct grammar and editorial vocabulary. The findings also suggest that environmental factors and peers group also influencing students' in mastering basic grammar in bahasa Melayu. In conclusion, the mastery of Malay language proficiency level among students is moderate.

Key words: *Mastery of grammar, Malay, university students*

1. Pengenalan

Kepentingan menguasai bahasa asing adalah aset penting pada masa kini. Selain berupaya bertutur dalam bahasa itu, individu berkenaan juga dapat memahami budaya dan adat sesuatu kaum, yang sekali gus merapatkan jurang perbezaan antara mereka. Bahasa boleh dibahagikan kepada dua iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan. Bahasa lisan

ialah bahasa yang disampaikan dengan menggunakan cara bercakap dan diterima dengan cara mendengar. Manakala bahasa tulisan disampaikan dengan cara menulis atau mengarang bahasa dengan menggunakan simbol atau aksara dan diterima dengan cara membaca. Seseorang pelajar bahasa yang dianggap cekap berkomunikasi dalam bahasa Melayu adalah seorang yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan tentang bahasa tersebut tetapi juga mengetahui tentang sistem bahasa secara mendalam dan menggunakan bahasa itu secara spontan sesuai dengan peraturan penggunaan bahasa tersebut. Dalam konteks ini peraturan bahasa ini dikenali sebagai tatabahasa.

Arbak Othman (1985), menjelaskan bahawa pengajaran tatabahasa ialah pengajaran tentang hukum yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Hukum inilah yang dijadikan landasan untuk menentukan sama ada betul atau salah sesuatu ayat yang digunakan. Penguasaan bahasa Melayu pelajar pada peringkat awal akan lebih memberi pengaruh kepada kebolehan berbahasa pelajar apabila berada pada tahap yang lebih tinggi. Tatabahasa juga merupakan aturan sesuatu bahasa. Aturan-aturan ini hadir dalam semua kemahiran bahasa, iaitu dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Oleh itu, aspek tatabahasa adalah sangat penting sebagai alat untuk mengukur sejauh manakah kemahiran dan kecekapan berbahasa seseorang pelajar.

Kebanjiran pelajar asing yang datang untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA dan IPTS) di Malaysia semakin ketara. Lanjutan daripada itu, Akta Pendidikan Malaysia Pindaan 1995 secara jelas menyatakan bahawa Bahasa Melayu wajib diajarkan kepada semua pelajar warganegara asing yang mengikuti pengajian di IPT. Pengajaran tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan tentang aspek dasar bahasa Melayu seperti sistem bunyi dan ejaan, tatabahasa asas, perbualan ringan, aspek sosiolinguistik, membaca dan memahami bahan yang mudah dan menulis.

Sehubungan dengan itu, pendedahan tentang tatabahasa perlu diberikan kepada pelajar asing ini. Hasil dari kajian Penggunaan Bahasa di IPTA pada 2010 oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia yang dulunya dikenali sebagai Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), semua IPT telah diarahkan agar menyediakan silibus untuk pengajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing (Khaled, 2011). Walaupun penekanan diberikan khusus dalam komunikasi namun bidang tatabahasa asas juga diberi penekanan yang penting.

Pelajar-pelajar di Malaysia dikehendaki mempelajari bahasa Melayu dalam semua aspek, iaitu perlu menguasai tatabahasa dan juga harus mahir dalam penulisan bahasa Melayu. Jika tidak mereka mungkin menghadapi masalah dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Dalam konteks ini isu kelemahan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sering menjadi buah mulut dan perbualan pelbagai pihak. Statistik juga menunjukkan bahawa pelajar berasa sukar untuk memahami dan menguasai tatabahasa bahasa Melayu dalam mana-mana peringkat peperiksaan penting di Malaysia. Ini terbukti menerusi kemerosotan keputusan peperiksaan akhir untuk bahagian tatabahasa dalam kajian oleh Zamri dan Mohamad Amin (2001) dan Awang (2010) yang menunjukkan pelajar tidak dapat menjawab soalan yang asas dengan baik terutama di bahagian pemahaman.

Masalah ini bukan sahaja di hadapi oleh pelajar-pelajar tempatan yang mempelajari bahasa Melayu tetapi juga dihadapi oleh pelajar-pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu asas terutama bagi mereka yang menuntut di IPT. Berdasarkan kajian Chin (2001), Ismail (2010), Noor Asliza et al (2011) dan Tuan Nordin (2012) yang telah dilaksanakan untuk melihat motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebelum ini, pengkaji mendapati tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu serta prestasi pelajar-pelajar dari luar negara yang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia pada peringkat ijazah pertama yang mengikuti kelas Bahasa Melayu Komunikasi didapati agak lemah dan kurang memuaskan.

Berdasarkan analisis penulisan karangan di peringkat ujian akhir semester menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kesilapan tatabahasa telah dilakukan oleh pelajar-pelajar ini. Walaupun pendedahan telah diberikan kepada mereka namun disebabkan oleh kekangan masa maka mereka sukar untuk menguasai bidang tatabahasa. Selain itu, penekanan terhadap aspek komunikasi juga memberi kesan terhadap pembelajaran tatabahasa. Oleh hal yang demikian, fenomena ini telah menarik minat penyelidik untuk menelusuri permasalahan tersebut bagi menentukan tahap penguasaan dan faktor-faktor serta strategi yang boleh digunakan untuk memantapkan lagi pengajaran tatabahasa Melayu kepada pelajar-pelajar asing ini.

2. Kajian Lepas

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Yusof (2000) bertajuk 'Kajian Pencapaian Pelajar Cina Dalam Menguasai Tatabahasa Bahasa Melayu Tahap Dua Tahun Lima di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina', pengkaji mendapati sebanyak 4,500 patah kata telah digunakan oleh pelajar untuk tujuan penulisan karangan. Daripada 4,500 patah perkataan, terdapat sebanyak 154 kesalahan tatabahasa dengan purata 1.33. Kesalahan yang paling tinggi adalah

dalam aspek morfologi, iaitu sebanyak 38.96% diikuti kesalahan dalam aspek sintaksis sebanyak 33.77%. Kesalahan yang paling rendah adalah dalam aspek fonologi, iaitu sebanyak 27.27%. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar Cina lemah dalam penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Selain itu, pelajar Cina juga lemah dalam aspek sintaksis. Pada peringkat ini didapati pelajar lemah dalam pembentukan ayat dengan melakukan purata kesalahan yang lebih tinggi berbanding dengan kesalahan frasa. Kelemahan ini akan menghalang pelajar bukan Melayu ini menguasai pelbagai aspek ilmu pengetahuan di Tahun Enam dan di peringkat yang lebih tinggi.

Kajian seterusnya yang dilakukan oleh Ab. Razak dan Muhammad Saiful (2011) dilakukan di Islamic Santitham Foundation School (ISFS) di Thailand. Kajian ini dilakukan untuk mengesan tahap penguasaan bacaan dalam bahasa Melayu dalam kalangan pelajarinya dan pengkaji mendapati bahawa pencapaian mereka sangat lemah. Subjek kajian tidak mampu untuk menguasai tahap bahasa Melayu sejajar dengan usia dan kemahiran yang sepatutnya berasaskan tahap umur dan kandungan sukatan pelajaran yang sepatutnya dikuasai. Permasalahan ini timbul kerana pendekatan, kaedah, dan teknik yang digunakan oleh guru-guru semasa mengajarkan bahasa Melayu di Thailand berada pada tahap yang tidak begitu membanggakan serta tidak sistematik. Ekoran itu pengkaji mencadangkan agar tenaga pengajar diberi pendedahan tentang strategi dan kaedah yang bersesuaian untuk diajar kepada pelajar-pelajar serta bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pelajar. Ini kerana tenaga pengajar menjadi idola kepada pelajar ketika mempelajari sesuatu bahasa asing.

Kajian Muhammad Saiful Haq (2006) juga mendapati bahawa perlunya pembinaan bahan pengajaran yang menarik, tersusun secara sistematik yakni dari mudah ke susah dan dari maujud ke abstrak. Pada masa yang sama guru-guru yang mengajar pada tahap tersebut juga perlu menguasai pendekatan, kaedah dan teknik yang baik (bersifat eklektik) bagi memberikan kesan yang baik terhadap pencapaian penguasaan asas bacaan pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran yang tersusun dan pelbagai. Kesimpulannya guru perlulah mempunyai daya kreativiti yang tinggi bagi membolehkan penguasaan bahasa Melayu pada peringkat tersebut dikuasai oleh murid.

Fathiyah Chapakia (2008), mendapati bahawa kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa Melayu. Kepelbagaian aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu juga perlu diambil kira oleh guru semasa mengajar. Demikian juga halnya dengan keperluan alat bantu mengajar yang dilihat turut memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk tujuan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar agar mereka berjaya meningkatkan tahap pencapaian penguasaan bahasa mereka. Dalam konteks ini pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau ketiga boleh diumpamakan seperti pelajar-pelajar tempatan di peringkat asas sekolah rendah. Ini kerana mereka merupakan individu yang baru pertama kali didedahkan kepada bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu kajian ini dilakukan untuk melihat tahap penguasaan asas bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing berkenaan.

3. Metodologi

Reka bentuk kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif yang bertujuan mengumpul data dan maklumat yang dikaji. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik. Menurut Mohd Najib (1999), kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diproses daripada soal selidik atau media lain. Soal selidik yang digunakan mengandungi tiga bahagian. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi pelajar, bahagian B berkaitan dengan tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu yang mengandungi 21 soalan dan bahagian C adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran dan strategi yang digunakan dalam menguasai subjek bahasa Melayu yang mengandungi 21 soalan.

Kajian ini dilakukan terhadap 14 orang pelajar asing yang mengikuti subjek Bahasa Malaysia Komunikasi di Akademi Bahasa UTM Skudai, Johor pada semester 2 sesi 2012/2013. Subjek kajian terdiri daripada mereka yang datang dari pelbagai bidang kejuruteraan di UTM dan berumur antara 19 hingga 22 tahun. Mereka juga berasal dari pelbagai negara terutama negara Asia Barat. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penguasaan asas tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di samping mengetahui teknik yang bersesuaian dalam menguasai kemahiran tatabahasa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan tatabahasa Melayu dan apakah faktor-faktor yang dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa tersebut dalam kalangan pelajar asing.

4. Analisis dan Perbincangan

Untuk melihat sejauh mana tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar ini, pengkaji juga melihat tempoh pengajian dan pendedahan responden terhadap penggunaan bahasa Melayu. Secara realitinya tempoh pendedahan ini juga mempengaruhi tahap penguasaan mereka. Daripada data yang diperolehi, jadual 1 di bawah menunjukkan sebanyak 71% responden baharu didedahkan dengan bahasa Melayu kurang daripada lima bulan, manakala sebanyak 29% sudah mengenali bahasa Melayu selama lebih enam bulan.

Jadual 1 : Tempoh Mempelajari Bahasa Melayu

Tempoh mempelajari BM	Bilangan	Peratus
Kurang 5 bulan	10	71
6 – 10 bulan	1	8
Lebih 10 bulan	3	21
Jumlah	14	100

Mengenali Tahap Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing

Berdasarkan jawapan responden terhadap soal selidik yang dikemukakan, maka hasil daripada jawapan tersebut ditunjukkan melalui kekerapan tertinggi dan peratusan yang diperolehi.

No	Item	Bilangan	Peratus (%)
1.	Belajar tatabahasa secara formal dapat membantu menguasai bahasa kedua	9	64
2.	Saya sentiasa menggunakan tatabahasa yang tepat ketika menulis dalam bahasa kedua	8	57
3.	Menguasai tatabahasa dapat membantu dalam kemahiran bahasa kedua saya	12	86
4.	Apabila saya melakukan kesilapan dalam lisan, saya suka guru membaikinya	13	93
5.	Penguasaan bahasa kedua saya lebih baik sekiranya saya dapat menguasai tatabahasa bahasa tersebut	6	43
6.	Saya boleh berkomunikasi dengan bahasa kedua tanpa perlu menguasai tatabahasa	5	35
7.	Guru tidak perlu membantu pelajar sekiranya mereka melakukan kesilapan dalam kelas	9	64
8.	Saya suka belajar tatabahasa	5	35
9.	Masyarakat akan menghormati saya sekiranya saya mampu menggunakan tatabahasa yang betul	11	79
10.	Saya suka ditegur kesilapan saya dalam kumpulan kecil	6	43
11.	Pelajar bahasa kedua yang bagus biasanya mengetahui peraturan tatabahasa yang lengkap	8	57
12.	Mengetahui tatabahasa yang lengkap membantu saya berkomunikasi dalam bahasa kedua	8	57
13.	Saya suka guru menerangkan aspek tatabahasa bahasa kedua	8	57
14.	Pembelajaran tatabahasa membantu saya menguasai bahasa kedua	9	64
15.	Adalah lebih penting untuk menguasai bahasa kedua dalam situasi sebenar daripada menguasai tatabahasa	11	78
16.	Apabila menghadapi masalah dalam berkomunikasi saya berharap guru dapat menerangkan peraturan dalam tatabahasa	10	71
17.	Aspek tatabahasa perlu diperbanyakkan pengajaran dalam kelas	6	43

18.	Menguasai tatabahasa dapat membantu memahami pertuturan individu lain	6	43
19.	Saya tidak suka ditegur kesilapan di dalam kelas	8	57
20.	Apabila saya melakukan kesilapan tatabahasa dalam penulisan saya suka di betulkan oleh guru dalam kelas	14	100
21.	Ketika membaca teks bahasa kedua saya akan menentukan tatabahasa yang ada dala ayat	5	35

Secara keseluruhannya dari jadual yang dilampirkan di atas di dapati tahap penguasaan tatabahasa Melayu bagi pelajar asing di UTM didapati masih berada pada tahap sederhana. Peratusan pelajar yang menguasai tatabahasa di dapati berada dalam purata yang sama. Dalam konteks ini ianya berlaku kerana mereka tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Melayu dan mereka tidak pernah mempelajari dan didedahkan dengan bahasa tersebut sebelum ini.

Oleh sebab penulisan merupakan salah satu cara berkomunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka pelajar-pelajar haruslah meningkatkan lagi kemahiran berbahasa Melayu. Mereka pasti dapat menguasai bahasa Melayu jika perbendaharaan kata, pemahaman nahu serta pembinaan ayat dan frasa telah dipertingkatkan. Dalam konteks ini hasil kajian mendapati sebanyak 93% pelajar bersetuju bahawa peranan tenaga pengajar amat penting dalam membantu mereka untuk menguasai sesuatu bahasa asing terutama dalam aspek tatabahasa. Penggunaan kaedah pengajaran yang baik dapat menjadikan suasana pembelajaran lebih ceria dan menarik. Pelajar juga sentiasa memerlukan bantuan daripada tenaga pengajar untuk membetulkan kesilapan yang mereka lakukan dalam bidang tatabahasa, sama ada dalam bentuk penulisan, pertuturan atau pembacaan. Berdasarkan jadual di atas 100% pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut yang mana mereka suka diperbetulkan kesilapan tatabahasa dalam penulisan mereka terutama di dalam kelas. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Saiful Haq (2006) dan Fathiyah Chapakia (2008) yang bersetuju bahawa guru memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran bahasa.

Namun begitu berdasarkan hasil kajian mendapati 64% pelajar tidak gemar sekiranya kesilapan mereka ditegur oleh tenaga pengajar di dalam kelas secara terbuka di hadapan rakan-rakan yang lain. Apa yang mereka harapkan guru akan menegur kesilapan mereka secara berdepan di dalam bilik yang tertutup.

Seterusnya sebanyak 86% pelajar pula bersetuju bahawa penguasaan tatabahasa adalah penting dalam proses menguasai sesuatu bahasa. Ini kerana tatabahasa merupakan tunjang dan asas untuk mengetahui sistem bahasa sesuatu bahasa yang dipelajari. Namun begitu hanya 35% pelajar sahaja yang gemar untuk mempelajari aspek tatabahasa dalam pembelajaran bahasa kedua.

Latihan tatabahasa yang diberikan kepada responden menunjukkan bahawa ayat-ayat yang dihasilkan oleh mereka adalah tidak gramatis. Ayat-ayat tersebut banyak mengandungi kesalahan tanda baca dan kesalahan tatabahasa yang lain seperti kesalahan ejaan, kesalahan semantik dan kesalahan dari segi struktur ayat. Contoh, bagi kesalahan ejaan,

- Ayat P1 : 1) ...dia anak bungsu di keluarga saya
2) umur saya adalah *duo polu* tahun

bagi kesalahan semantik,

- Ayat P2 : 1) Kita *hidup* di Arab Saudi.
2) ayah saya bekerja *di perniagaan*.

bagi kesalahan struktur ayat,

- Ayat P3 : 1) *saya nama* Sulaiman
2) *saya punya* dua adik

Pelajar yang diajukan soalan dalam temu bual yang diadakan secara rawak menyatakan bahawa mereka lebih mudah berfikir menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu walaupun ketika proses latihan berbahasa Melayu. Oleh itu kebanyakan latihan yang dibuat dipengaruhi oleh bahasa lain. Dapatan ini tidak dapat dinafikan kerana mereka terlebih dahulu menguasai bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Seterusnya, tidak dapat dinafikan bahawa penguasaan tatabahasa ini juga dipengaruhi oleh tempoh pelajar menetap di Malaysia yang mana 71% pelajar baru lima bulan berada di Malaysia amnya dan di UTM khususnya.

Faktor-Faktor yang Dapat Membantu dalam Meningkatkan Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing

Seterusnya dapatan bagi objektif yang kedua mendapati bahawa kebanyakan pelajar bersetuju bahawa faktor persekitaran banyak membantu mereka dalam menguasai tatabahasa Melayu. Sebanyak 79% pelajar menyatakan faktor persekitaran seperti penggunaan papan tanda iklan, papan tanda tunjuk arah serta beberapa panduan lain dalam bahasa Melayu terutama di sekitar kampus berupaya membantu mereka menggunakan kosa kata dan tatabahasa dengan bersistematik. Keupayaan ini dibantu dan diperkuatkan lagi dengan adanya bantuan daripada rakan-rakan sebaya iaitu pelajar-pelajar tempatan. Selain itu bagi mengukuhkan lagi penguasaan mereka dalam penggunaan tatabahasa Melayu yang betul, penggunaan media massa seperti internet juga banyak membantu. 50% daripada pelajar menggunakan medium internet sebagai bahan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dalam penggunaan bahasa Melayu.

Selain itu antara teknik yang digunakan untuk menguasai tatabahasa Melayu dalam kalangan responden adalah dengan merujuk kepada tenaga pengajar sekiranya mereka tidak memahami mana-mana perkataan atau ayat dalam bahasa Melayu. Sebanyak 65% responden bersetuju dengan penggunaan kaedah ini dalam proses penguasaan tatabahasa mereka. Responden juga menggunakan kamus sebagai bahan rujukan bagi mendapatkan maklumat serta menguasai tatabahasa dengan baik. 71% pelajar menggunakan kaedah ini untuk kemudahan mereka. Mereka bersetuju bahawa merujuk kamus dapat membantu mereka membentuk ayat serta mengeja perkataan bahasa Melayu dengan tepat. Namun begitu, responden bersetuju bahawa segala teknik dan kaedah yang mereka gunakan ini hanya bersesuaian digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam bentuk formal sahaja. Ini bermakna penggunaan kamus hanya bersesuaian digunakan di dalam kelas.

5. Kesimpulan

Pada hakikatnya, untuk menguasai sesuatu bahasa dengan berkesan penguasaan aspek tatabahasa merupakan asas yang utama. Pengajaran tatabahasa dalam mata pelajaran bahasa Melayu adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik, sama ada secara lisan ataupun bertulis (Abdul Hamid Mahmood, 1989). Walaupun demikian, ada banyak perkara dalam tatabahasa bahasa Melayu yang seolah-olah tidak mampu untuk dikuasai oleh pelajar sehingga berlakunya kesalahan tatabahasa dalam penulisan kebanyakan pelajar (Muhamad Haji Abdul Rahman, 2000).

Secara keseluruhan, kajian ini telah memperlihatkan tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar asing di UTM. Berdasarkan dapatan kajian didapati bagi meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam berbahasa Melayu, kebanyakan pelajar memperlihatkan sikap berminat untuk sentiasa merujuk kepada tenaga pengajar, merujuk kamus dan membeli bahan-bahan rujukan dalam bahasa Melayu bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa mereka. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mendapati secara keseluruhan tahap minat mereka berada pada tahap yang sederhana sahaja. Ini menunjukkan kemungkinan besar mereka merujuk pada kamus dan membaca bahan-bahan rujukan dalam bahasa Melayu adalah pada masa-masa tertentu sahaja dan tidak secara aktif iaitu sepanjang masa. Masa-masa tertentu yang dimaksudkan adalah seperti ketika menyiapkan tugas, ketika perlu membuat pembentangan dalam kelas dan ketika membuat ulang kaji tentang topik-topik tertentu dalam kelas bahasa Melayu untuk persediaan ujian atau kuiz. Kebanyakan pelajar meningkatkan usaha mempelajari bahasa Melayu dengan meningkatkan motivasi diri mempelajari bahasa tersebut di samping memperbanyakkan kosa kata bahasa Melayu, berkomunikasi bersama rakan-rakan dan memperbanyakkan latih tubi serta hafalan.

Selain itu, pelajar juga tidak menafikan bahawa penguasaan bahasa Melayu memberi kelebihan kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan lebih yakin dan dapat membantu pelajar mengenali budaya masyarakat di Malaysia dengan lebih dekat.

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa tahap penguasaan mereka juga sebenarnya bergantung kepada tempoh pembelajaran. Rata-rata di dapati seramai 71% pelajar baharu diberikan pendedahan kepada mata pelajaran bahasa Melayu Komunikasi kurang daripada lima bulan. Jadi dalam tempoh tersebut agak sukar bagi mereka untuk menguasai sepenuhnya tatabahasa Melayu. Selain itu, di UTM juga tempoh pembelajaran bahasa Melayu hanya untuk satu semester sahaja. Sehubungan dengan itu, berdasarkan hasil kajian ini secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan pelajar asing dalam aspek tatabahasa Melayu amat sederhana tetapi boleh dibanggakan.

Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood (1989). *Masalah Penguasaan Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar-pelajar*. Pelita Bahasa Mac 1989, Dewan Bahasa dan Pustaka : KL
- Arbak Othman (1985). *Mengajar Tatabahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2011). *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Sant/tham Foundation School (ISFS)*. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22, 2011
- Awing Sariyan (2010). *Pembudayaan Bahasa Melayu di Luar Nusantara*. *Kertas Kerja Ceramah Arif Budiman*. 31 Julai 2010
- Chin Hai Leong (2001). *Penguasaan Bahasa Melayu Berbantuan Laman Portal*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya
- Fathiyah Chapakia Bt. Omar Chapakia (2008). *Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat Selatan Thailand: Kajian Kes di Sekolah Muslim Phatanasad*. Tesis Master. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ismail Abd. Rahman (2010). *Pendidikan Bahasa Melayu pada abad ke 21 : Antara Hasrat dan Pelaksanaan*. (muat turun dari putramail.blogspot.com) Oktober 2013
- Khaled Nordin (2011). *Bahasa Melayu Bahasa Ilmu*. Ucapan Pelancaran Pelan Tindakan Memartabat Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT dan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 peringkat Kementerian Pengajian Tinggi. 27 Oktober 2011
- Muhammad Saiful Haq Bin Russin (2006). *Amalan Psikolinguistik dalam Penguasaan Asas Bacaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Muda*. Disertasi Kedoktoran. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Muhamad Haji Abdul Rahman (2000). *Analisis Kesilapan Tatabahasa Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Lima*. Tesis Sarjana Universiti Malaya
- Noor Asliza Abdul Rahim, Zaliza Zubir, Wan Saliha Yusoff dan Nurul Syazwani Zulkifli (2011). *Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa : Kajian Kes IPTA Bahagian Utara Semenanjung Malaysia*. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII*. UPM 9 – 10 November.
- Tuan Nordin Tuan Kechik (2012). *Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing : Sebuah Catatan Pengalaman Universiti Sains Malaysia*.